

25/09/1997

Kejatuhan ringgit sementara

HONG KONG, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, semua pihak kini menyedari hakikat bahawa Malaysia mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan masalah kejatuhan nilai ringgit serta pasaran saham yang berlaku kini, hanya bersifat sementara.

"Saya kira semua mereka tahu benar bahawa asas ekonomi Malaysia masih kukuh dan kesan kejutan di pasaran kewangan dan modal di Malaysia akan pulih sebaik sahaja kita dapat menjelaskan langkah tegas yang sudah diambil," katanya di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar di Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di sini tengah hari ini, sebelum berlepas pulang ke tanah air.

Menurutnya, dalam beberapa perbincangan yang diadakannya sepanjang mesyuarat IMF-Bank Dunia di sini sejak empat hari lalu, beliau berpeluang membuat penjelasan terperinci mengenai ekonomi Malaysia.

"Saya kira yang penting ialah kita berpeluang menerangkan dasar dan pendirian Malaysia, kekuatan asas ekonomi negara, serta tidak dikaitkan dengan keadaan atau kedudukan dengan lain-lain negara di rantau ini," katanya.

Sepanjang empat hari berada di sini bagi menghadiri Mesyuarat Tahunan IMF-Bank Dunia, Anwar antara lain mengadakan pertemuan dengan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus; Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn; Menteri Kewangan Jepun, Hiroshi Mitsuzuka; Setiausaha Perbendaharaan Amerika, Robert Rubin dan Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Robert Rubin.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam pertemuannya dengan pegawai IMF dan Bank Dunia, beliau juga menegaskan kepada mereka bahawa Malaysia sudah banyak mendapat manfaat daripada dasar pro-liberalisasinya.

"Kita perlu melakukannya secara berperingkat dan sentiasa berwaspada terhadap kesan jika membuatnya dengan drastik. Kita bersedia membuat liberalisasi tetapi ia perlu disokong mekanisme perlindungan (bagi negara membangun)," katanya.

Sehubungan itu, Anwar menjelaskan, itulah sebabnya Malaysia mencadangkan kepada WTO atau agensi pelbagai hala lain untuk menyediakan satu mekanisme yang dapat melindungi kepentingan negara membangun.

Diminta mengulas mengenai pelbagai penjelasan yang dibuatnya berhubung kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Anwar berkata ia perlu kerana ada pihak asing yang tidak faham sepenuhnya mengenai senario politik di Malaysia dan sikap tegas serta terbuka Perdana Menteri menyatakan pendiriannya.

Mahathir dan pembiaya kewangan Amerika, George Soros yang dijemput membentangkan kertas kerja dalam sesi berasingan di seminar sebelum Mesyuarat Tahunan IMF-Bank Dunia menjadi tumpuan media asing berikutan 'perang mulut' di antara kedua mereka.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan New Zealand, Winston Peters, ketika berucap hari ini, membayangkan sokongannya kepada kenyataan Dr Mahathir dengan menyifatkan peniaga mata wang yang berurusan di Asia terbabit dalam kegiatan spekulasi.

(END)